

## IKLAN JAWATAN KOSONG BIL.1/2018

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan Rakyat Negeri Pahang) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Keutamaan adalah diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan yang baik dalam Pengetahuan Agama Islam.

BIL	NAMA JAWATAN	KLASIFIKASI/GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	STATUS JAWATAN	JADUAL GAJI		
					GAJI MINIMA (RM)	GAJI MAKSIMA (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN (RM)
1	<b>Penolong Akauntan</b>	<b>Kewangan / Gred W29</b>	<b>Pelaksana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>1,498.00</b>	<b>5,678.00</b>	<b>145.00</b>
2	<b>Jururawat Masyarakat</b>	<b>Perubatan / Gred U19</b>	<b>Pelaksana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>1,360.00</b>	<b>4,052.00</b>	<b>100.00</b>
3	<b>Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)</b>	<b>Pentadbiran Dan Sokongan / Gred N19</b>	<b>Pelaksana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>1,352.00</b>	<b>4,003.00</b>	<b>100.00</b>
4	<b>Pembantu Perawatan Kesihatan</b>	<b>Perubatan / Gred U11</b>	<b>Pelaksana</b>	<b>Kontrak</b>	<b>1,204.00</b>	<b>3,001.00</b>	<b>80.00</b>

### **B. SYARAT LANTIKAN**

#### **1. Jawatan : Penolong Akauntan Gred W29**

- Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
- Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
- Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,776.08)
- Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM2001.68)
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **2. Jawatan : Jururawat Masyarakat Gred U19 (PEREMPUAN)**

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Jururawat Masyarakat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan Lembaga Bidan Malaysia  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM1,418.12).
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **3. Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19**

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **4. Jawatan : Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 (LELAKI)**

- Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U11: RM1,204.00).
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **C. UMUR**

- Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan jawatan.

### **D. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN**

- Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.
- Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

### **E. CARA MEMOHON, ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

• Pemohon hendaklah menggunakan Borang Permohonan yang boleh didapati di Pejabat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang atau memuat turun Borang Jawatan Kosong melalui Laman Web MUIP (<http://www.muip.gov.my/>.)

• Semua permohonan hendaklah menyertakan **SALINAN SIJIL YANG DISAHKAN** mengikut kelayakan yang disyaratkan. Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.

• Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon pada penjurong kiri atas sampul surat yang dihantar. Semua permohonan hendaklah dihantar kepada:

**TIMBALAN YANG DIPERTUA,  
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,  
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH (KISHAS),  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR.**

• **TARIKH TUTUP PERMOHONAN JAWATAN : 20 MAC, 2018.**

### **F. CATATAN AM**

- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak Berjaya.